



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	3/12/2011

'Najib adalah terbaik'

Dr M minta pengundi beri peluang PM terus pimpin negara

NEW DELHI: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad memberi satu tip politik yang ringkas dan padat bagi pengundi rakyat Malaysia.

Sambil memuji Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak kerana 'membetulkan kesilapan' dalam sistem politik, beliau berkata Najib perlu diberi peluang untuk memimpin negara.

"Beliau semakin popular, beliau membetulkan kesilapan yang telah dilakukan oleh pengganti saya. Saya sokong Najib, beliau adalah yang terbaik, beliau layak diberi peluang," kata Dr Mahathir pada sidang akhbar di sini, semalam.

Negarawan yang berumur 86 tahun itu berada di sini untuk menghadiri sidang kemuncak tahunan pemimpin Hindustan Times di mana beliau menyampaikan ucapatama.



PERHIMPUNAN AGUNG UMNO 2011

Dalam ucapannya, beliau memberi amaran terhadap pemimpin global untuk memerhatikan perubahan besar yang sedang berlaku - kegagalan rancangan ekonomi pusat, pengaruh media sosial dan kerancangan orang ramai menyeberangi sempadan.

"Ini adalah perubahan radikal yang berlaku dalam abad ke-21. Semua ini akan memberi kesan terhadap apa yang kita lakukan, bidang politik, ekonomi, sosial atau kewangan.

"Jika kita enggan mengakui perubahan ini, kita tidak akan mampu menghadapi cabaran-cabaran ini," katanya.

Dalam ucaptamanya bertema 'Cabaran Perubahan Dalam Abad Ke-21', beliau berkata demokrasi bukan satu sistem yang buruk tetapi bukan satu penyelesaian bagi semua kelemahan politik.

"Demokrasi adalah satu bentuk terbaik sesebuah kerajaan, bukan mudah untuk mentadbir kerana rakyat tidak faham mengenai batasan demokrasi," katanya. - BER-NAMA